

18/11/1999

Dua menteri tidak bertanding

KUALA LUMPUR, Rabu - Beberapa Menteri Kabinet Persekutuan dijangka tidak bertanding dalam pilihan raya umum kali ini, sama ada kerana bersara atau memberi laluan kepada muka baru.

Antara nama yang disebut ialah Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha. Tempat beliau bagi kerusi Parlimen Kuala Rajang, Sarawak akan diganti Naib Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Datuk Effendi Norwawi.

Effendi adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Dalat dan pemilik syarikat televisyen swasta NTV7.

Setakat ini, hanya seorang menteri Kabinet iaitu Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek yang juga Timbalan Presiden MCA, mengumumkan hasrat untuk bersara daripada politik.

Difahamkan, beberapa menteri dan timbalan menteri yang nama mereka tidak disenaraikan sebagai calon, masih enggan menyatakan pendirian secara terbuka kerana masih menaruh harapan nama mereka dipertimbangkan pada hari terakhir sebelum penamaan calon, Sabtu ini.

Turut tidak disenaraikan ialah beberapa timbalan menteri dan setiausaha Parlimen atas alasan bagi memberi laluan kepada muka baru dalam persediaan Barisan Nasional (BN) menghadapi alaf baru.

Antaranya Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey Jeffrey; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman dan Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Affifuddin Omar.

Sebelum ini, timbalan menteri yang sudah mengumumkan untuk bersara ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah; Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Teng Gaik Kwang, kedua-duanya daripada MCA dan Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk K Kumaran daripada MIC.

Turut mengumumkan untuk bersara daripada politik ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Datuk M Mahalingam, yang juga Naib Presiden MIC.

Difahamkan nama mereka terbabit tidak ada dalam senarai yang dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN.

Bagaimanapun, hari ini ada di kalangan mereka dikatakan cuba menemui Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya selepas menyedari nama mereka tidak disenaraikan sebagai calon.

Difahamkan, mereka gagal menemui Dr Mahathir kerana tidak membuat temu janji terlebih dahulu selain jadual kerja Dr Mahathir sendiri agak ketat. Dr Mahathir hari ini antara lain menemui pemimpin-pemimpin tertinggi BN bagi membincangkan manifesto BN.

Mesyuarat yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Manifesto BN.

Semua Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan pemimpin parti komponen menyerahkan senarai calon masing-masing kepada Dr Mahathir pada Isnin dan semalam.

Dalam satu wawancara khas yang disiarkan TV3 malam tadi, Dr Mahathir antara lain berkata bahawa berkebolehan, terutama dalam pentadbiran serta tahu cara mendapatkan sokongan rakyat menjadi kriteria pemilihan calon BN, khususnya Umno.

Sumber bagaimanapun memberitahu Berita Harian, seperti pilihan raya

sebelum ini, Dr Mahathir kemungkinan besar tidak akan mengumumkan senarai calon BN itu.

"Jika perlu sekalipun, Dr Mahathir akan hanya mengumumkan senarai calon daripada Umno untuk kerusi Parlimen. Setakat ini, belum ada tanda-tanda Perdana Menteri akan berbuat demikian," katanya.

Sebaliknya, senarai calon yang bertanding akan diumumkan sendiri oleh Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri dan pemimpin parti komponen BN.

Nama calon yang bertanding itu dijangka diumumkan sebelum hari penamaan calon Sabtu ini. Pengundian untuk pilihan raya umum kesepuluh diadakan pada Isnin, 29 November.

"Sebenarnya, mereka yang digugurkan itu sudah mengetahui nasib masing-masing apabila mereka tidak menerima borang penamaan calon yang biasanya diedarkan oleh ibu pejabat parti masing-masing mulai semalam," kata satu sumber tertinggi sebuah parti komponen.

Seorang lagi ahli majlis tertinggi parti komponen ketika dihubungi berkata, ada juga mereka yang digugurkan itu hanya diberitahu sehari sebelum penamaan calon.

Sementara itu, pilihan raya umum kali ini akan menyaksikan seorang lagi calon langsung BN iaitu tanpa mewakili mana-mana parti. Kali ini, difahamkan Pengawal Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran (NREB), Dr James Dawos Mamit, dijangka diumumkan sebagai calon langsung BN bagi kerusi baru, Mambong.

(END)